



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2018

BANTUAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2018

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 41 dan ke bawah sebanyak RM400 dan turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pensyen sebanyak RM200.
3. Pekeliling perkhidmatan ini adalah bagi maksud menjelaskan mengenai kaedah pelaksanaan Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018.

PELAKSANAAN

4. Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM400.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 41¹ dan ke bawah dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat sehingga 5 Jun 2018 dan berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 5 Jun 2018.

5. Tempoh 30 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 5 Jun 2018.

PEGAWAI YANG LAYAK

6. Tertakluk kepada perenggan 4 dan 5 di atas, pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 adalah seperti berikut:

- 6.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*²;
- 6.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 6.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 6.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- 6.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

¹ Pegawai di Gred 41 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred 44.

² Bagi pegawai di bawah *contract for service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

7. Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 juga dipanjangkan kepada:
 - 7.1 guru interim;
 - 7.2 pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
 - 7.3 pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan Akta Saraan Hakim 1971.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

8. Pegawai yang tidak layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 adalah:
 - 8.1 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 5 Jun 2018;
 - 8.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 5 Jun 2018; dan
 - 8.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 5 Jun 2018.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS AIDILFITRI

9. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

10. Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM400.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 5 Jun 2018 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 5 Jun 2018.

PESARA

11. Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen dan penerima pencen terbitan pada atau sebelum 5 Jun 2018 di bawah undang-undang pencen akan dibayar sebanyak RM200.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

12. Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service* dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 5 Jun 2018 layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM400.00 dengan syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Pembayaran sebanyak RM200.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM200.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

13. Tempoh 30 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 5 Jun 2018.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

14. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia pada 5 Jun 2018 layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM400.00

dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.

15. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM200.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM200.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

16. Tempoh 30 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 5 Jun 2018.

TARIKH PEMBAYARAN

17. Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini akan dibayar pada 5 Jun 2018.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

18. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang sedang berkhidmat, pembayaran Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini adalah tanggungan jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat, manakala bagi pesara Kerajaan, pembayaran tersebut adalah tanggungan Jabatan Perkhidmatan Awam.

TARIKH KUAT KUASA

19. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMBATALAN

20. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2017 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

21. Tertakluk kepada penerimaan pakai pekeliling perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATUK MOHTAR BIN MOHD ABD RAHMAN)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

04 Jun 2018

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan